



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 7 TAHUN 2019**

---

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENAWARAN KEMASUKAN KE PROGRAM  
IJAZAH KEDUA DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
13 Ogos 2019

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**13 OGOS 2019**

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 7 TAHUN 2019**

#### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENAWARAN KEMASUKAN KE PROGRAM IJAZAH KEDUA DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

##### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-181 Bilangan 8/2019 yang bersidang pada 13 Ogos 2019 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Penawaran Kemasukan Ke Program Ijazah Kedua di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

##### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) telah mendapatkan nasihat daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkenaan penawaran kemasukan ke program sarjana muda kepada calon yang telah mempunyai ijazah pertama. Dan maklum balas yang diterima ialah pihak KPM berpandangan peluang penawaran haruslah diperluaskan kepada pemohon baharu dan Universiti Awam tidak digalakkan membuat penawaran kepada pemohon yang telah mempunyai Ijazah Pertama bagi memberi ruang dan peluang kepada calon lain mendapat tempat dan pendidikan berkualiti di Universiti Awam.
- 2.2 Lanjutan itu, Mesyuarat Senat Kali Ke-177 Bil. 4/2019 telah meminta supaya satu garis panduan kemasukan ke program sarjana muda kepada calon yang

telah mempunyai ijazah pertama disediakan bersandarkan kepada maklum balas daripada KPM sebagai rujukan dan panduan pada masa depan.

### **3.0 KEPUTUSAN SENAT**

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:
  - 3.1.1 meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Penawaran Kemasukan Ke Program Ijazah Kedua di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
  - 3.1.2 Pelaksanaan dasar ini terbuka kepada semua program Sarjana Muda tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Penawaran Program Ijazah Kedua.
  - 3.1.3 hanya melibatkan Ambilan Februari.
- 3.2 Garis Panduan Pelaksanaan Penawaran Kemasukan Ke Program Ijazah Kedua di Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah seperti di LAMPIRAN A.

### **4.0 TARIKH KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 13 Ogos 2019.

Sekian, terima kasih.

**“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SUHAILA SIDEK)**

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik



## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENAWARAN KEMASUKAN KE PROGRAM IJAZAH KEDUA UPSI**

### **1. TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan berkaitan pelaksanaan penawaran kemasukan ke program Ijazah Kedua di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Program Ijazah Kedua adalah program Sarjana Muda yang ditawarkan buat kali kedua setelah calon yang memohon telah memiliki Ijazah Pertama daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atau mana-mana Universiti Awam dan Swasta.
- 2.2 Apabila pelajar memohon, pelajar akan memohon menggunakan kelayakan akademik yang bersesuaian mengikut syarat kemasukan yang telah ditetapkan.
- 2.3 Pelajar layak untuk membuat pemindahan kredit sekiranya memenuhi syarat pemindahan kredit yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 2.4 Takrifan ini berbeza dengan program Dwi Ijazah (*Double Degree*) di mana program Sarjana Muda berkembar ditawarkan di peringkat dalaman antara fakulti / antara cawangan universiti yang sama atau di antara dua atau lebih universiti yang berbeza serta menerima dan mengiktiraf program yang terlibat bagi tujuan pemindahan kredit.
- 2.5 Tempoh masa pengajian Ijazah Kedua adalah bergantung kepada jumlah kredit bagi program yang dipohon dengan mengambil kira pemindahan kredit yang telah dilakukan.

### **3. RASIONAL**


- 3.1 Garis Panduan ini dijadikan asas rujukan pengambilan pelajar yang telah mempunyai Ijazah Pertama memandangkan tiada dasar bertulis dibuat berkaitan tawaran kemasukan ke program Ijazah Kedua.
- 3.2 Memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pengajian tertakluk kepada keperluan Universiti dan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 3.3 Pelajar diberikan hak untuk memohon tetapi tertakluk kepada pihak Universiti sama ada untuk menerima atau menolak permohonan tersebut.

#### 4. SYARAT – SYARAT KEMASUKAN

- 4.1 Pemilihan kemasukan pelajar ke program Ijazah Kedua adalah tertakluk kepada syarat am dan khas kemasukan program sedia ada seperti yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti bagi sesi kemasukan semasa.
- 4.2 Bahagian Hal Ehwal Akademik perlu menyemak dan memastikan bahawa pemohon telah memenuhi syarat kemasukan sebelum layak ditawarkan ke program yang dipohon.
- 4.3 Pemilihan pelajar boleh dibuat secara penyelarasan bersama Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) atau melalui kemasukan sesi kedua bagi semester semasa.
- 4.4 Setelah memastikan syarat pemohon telah dipenuhi, penawaran ke program berkenaan adalah tertakluk kepada pertimbangan fakulti / Universiti dengan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

#### 5. PROSES PERMOHONAN

- 5.1 Proses permohonan kemasukan ke program ini boleh dibuat melalui dua (2) pengambilan yang berbeza iaitu di web UPU atau di web [www.upsi.edu.my/online/](http://www.upsi.edu.my/online/)
- 5.2 Berikut adalah proses permohonan ke program Ijazah Kedua



#### 6. PROSES PEMILIHAN DAN PENAWARAN PELAJAR

- 6.1 Proses pemilihan perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

- a) Pemohon telah memenuhi syarat am dan khas ke program termasuk lulus Ujian MEdSI, Ujian Khas atau Temu Duga (jika berkaitan).
- b) Pemohon telah menghantar dokumen sokongan yang diperlukan untuk tujuan pengesahan kelayakan akademik dan maklumat peribadi.
- c) Kertas cadangan kelulusan diperlukan untuk tujuan perakuan dan kelulusan Jawatankuasa Penawaran Program Ijazah Kedua (**rujuk perkara 9.0**)

6.2 Berikut adalah proses pemilihan dan penawaran pelajar Ijazah Kedua:



## 7. YURAN PENGAJIAN

7.1 Caj Yuran Pengajian bagi pelajar Ijazah Kedua adalah tidak termasuk subsidi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

## 8. KEMUDAHAN PELAJAR

Pelajar Ijazah Kedua mendapat kemudahan seperti pelajar lain kecuali tidak dijamin mendapat penempatan kolej memandangkan kolej kediaman dikhatususkan kepada pelajar Ijazah Pertama dan Diploma sahaja. Pelajar Ijazah Kedua perlu membuat permohonan khas bagi penempatan kolej kediaman dan bergantung kepada pertimbangan Unit Perumahan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) serta tertakluk kepada kekosongan kolej kediaman.

## 9. JAWATANKUASA PENAWARAN PROGRAM IJAZAH KEDUA

9.1 Jawatankuasa Penawaran Program Ijazah Kedua ditubuhkan adalah untuk:

- a) Menilai kelayakan calon yang memohon berdasarkan kelayakan akademik calon.
  - b) Mempertimbangkan sama ada calon layak ditawarkan berdasarkan unjuran yang telah ditetapkan dan program yang ditawarkan pada tahun pengambilan berkenaan.
  - c) Memperaku dan meluluskan penawaran ke program Ijazah Kedua
- 9.2 Berikut adalah merupakan cadangan Ahli Jawatankuasa Penawaran Program Ijazah Kedua:
- a) Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - b) Timbalan Pendaftar Kanan (Akademik), BHEA
  - c) Dekan-Dekan Fakulti (bagi program yang berkaitan)
  - d) Penolong Pendaftar / Penolong Pendaftar Kanan Unit Kemasukan (Setiausaha)

**10. DOKUMEN RUJUKAN**

- a) Syarat Am dan Khas Program Sarjana Muda UPSI
- b) Dasar dan Panduan Kemasukan Lepasan STPM/Setaraf
- c) Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik)
- d) Dasar MQA